

**Teks Ucapan  
Yang Berhormat  
Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia  
Haji Awang Abu Bakar Bin Haji Apong  
Menteri Pendidikan  
Negara Brunei Darussalam**

**MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH  
PENGHARGAAN  
HARI GURU (SPECIAL MENTION) SEMPENA  
SAMBUTAN  
HARI GURU KE-25  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada:  
Rabu, 9 Zulhijjah 1436/23 September 2015  
Jam: 3.00 petang  
Pusat Persidangan Antarabangsa  
Berakas

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu  
Wassalamu 'ala Sayyidina Muhammadin Wa-  
'ala Alihi Wa-sahbihi Ajma'een.**

Yang Mulia Awang Hj Abd Rahim bin Hj Derus, Ketua  
Pengarah Pendidikan selaku Pengerusi Majlis,

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji  
Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman, Menteri  
Hal Ehwal Ugama

Yang Amat Mulia Pg Seri Wijaya Pg Hj Ahmad bin Pg  
Mohd Yusof , Penolong Kanan Yang Di-Pertua Adat  
Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat Negara

Yang Mulia Dato Seri Setia Haji Awang Yusoff bin Haji  
Awang Ismail, Timbalan Menteri Pendidikan

Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan.

Yang Diraikan, penerima-penerima Anugerah Penghargaan Hari Guru, Pengetua-Pengetua, Guru-Guru Besar, Pegawai-Pegawai, Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua kita dapat hadir di Majlis Penyampaian Anugerah Penghargaan Hari Guru (*Special Mention*) Sempena Sambutan Hari Guru ke-25 Tahun 2015 pada petang ini.
2. Dikesempatan ini saya ingin merakamkan penghargaan dan tahniah kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis kerana mengungkapahkan majlis yang sungguh bermakna kepada warga guru di Negara ini.

3. Secara khususnya, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada guru-guru yang terpilih menerima Anugerah Penghargaan (*Special Mention*) Hari Guru pada tahun ini. Anugerah ini adalah jelas menandakan pengiktirafan Kerajaan dan Kementerian Pendidikan kepada penerima-penerima anugerah sekalian, pengiktirafan kepada sumbangan dalam pengajaran dan pembelajaran hasil dari sikap, dedikasi, komitmen, tanggung jawab, rasa prihatin, dan passionate kepada tugas yang memberikan impak atau kesan kepada meningkatnya kualiti dan kemajuan pengajaran dan pembelajaran pelajar-pelajar.
4. Saya berharap penganugerahan ini tidak akan terhenti setakat ini sahaja , malah akan akan menjadi penyuntik semangat untuk meraih anugerah-anugerah yang lebih tinggi lagi.
5. Dalam masa yang sama pengiktirafan diharap ini akan dapat pula mendorong dan menjadi pemangkin kepada guru-guru generasi baru yang

baru memasuki kerjaya pendidikan. Saya penuh percaya generasi pendidik pada masa ini mempunyai kualiti, pandangan, sikap dan semangat yang lebih positif bagi menyumbang ke arah meningkatkan kualiti pendidikan. Saya menyaksikan keazaman sebahagian mereka. Saya bersyukur, gembira dan terharu menyaksikan guru-guru Negara Brunei Darussalam melangkah Laut China Selatan menyeberangi negara Vietnam, Laos, Cambodia, Myanmar semata-mata untuk menabur bakti bagi mengajar Bahasa Inggeris sebagai sukarelawan negara dengan penuh passionate untuk membantu meningkatkan kualiti pengajaran Bahasa Inggeris di negara-negara sahabat berkenaan. Kepada mereka saya ucapkan "Selamat Hari Guru".

***Para Hadirin Yang Dihormati Sekalian,***

6. Dalam kita sama-sama hadir meraikan profesyen perguruan pada hari ini, marilah kita sama-sama

mengamati apakah sebenarnya erti Hari Guru buat kita? Apakah maknanya tema yang tahun demi tahun kita laungkan untuk Hari Guru? Apakah maknanya profesyen pendidik buat pemegangnya? Seringkali di musim-musim ini, kita mendengar ucap selamat, ucap tahniah dan ucap terima kasih.

7. Pada sambutan istimewa seperti inilah, kita terpanggil mengenang tangan yang memimpin si kecil menulis, pemberi kata semangat pada pelajar yang bermasalah, keringat yang tak mengenal lelah saat air bah melanda di sekolah. Pahit dan manis yang diharungi, di bandar mahupun pendalaman, dalam duka atau gembira, tiada tergambar 1,001 pengalaman pendidik dari hari pertamanya hingga saat bersara.
8. Gurulah profesyen yang banyak menyentuh kehidupan, menjana perubahan, membentuk insan. Selayaknya peranan guru dan khidmat yang mereka hulurkan menjadi pemangkin kepada

insan berwawasan. Keikhlasan, kecekalan dan kecemerlangan guru berperanan utama dalam mengembangkan potensi individu sehingga melahirkan modal insan yang berpendirian, progresif dan berwawasan dalam mendokong kemajuan negara.

9. Dalam hal ini, selepas ibu bapa, guru memainkan peranan penting dalam membangunkan modal insan berwawasan. Guru adalah individu yang bertanggungjawab menggilap potensi pelajar, membimbing dan membentuk akhlak dan menjana kepada pembentukan diri pelajar. Jesteru itu, nilai-nilai murni perlulah ada pada setiap guru dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab tersebut.
10. Pembangunan modal insan adalah satu aspek penting yang akan dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Ianya juga akan dapat mengubah nasib dan taraf kehidupan seseorang mahupun sesebuah negara. Guru merupakan nadi dalam sistem pendidikan untuk

melahirkan kejayaan ini. Pembangunan modal insan yang holistik akan melahirkan insan berwawasan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berkeperibadian mulia, berpengetahuan, berkemahiran tinggi, produktif, inovatif, berdayasaing, sentiasa peka dan jiwa yang penuh taqwa yang diperlukan bagi memenuhi hasrat negara dalam menuju Wawasan Brunei 2035. Benarlah seperti yang dikatakan oleh Malala Yousafzai, seorang remaja dan aktivis keamanan, "*One child, one teacher, one book and one pen can change the world*".

***Para Hadirin dan Hadirat Yang Dihormati Sekalian,***

11. Sambutan Hari Guru Ke-25 Tahun ini adalah signifikan.
12. Guru tidak dapat lari dari tugas 3M: Menulis, Membaca dan Mengira. Dalam istilah sekarang Kemahiran, Literasi dan Numerasi.



13. Saya ingin menekankan pentingnya 3M dalam berhadapan dengan suasana dunia pada masa ini yang cepat berubah dan membawa berbagai cabaran. Kita perlu *Menghargai Masa Lalu, Menyelaras Masa Kini, Merancang Masa Depan.*

### **Menghargai Masa Lalu:**

25 tahun lalu, 1990 adalah detik awal perjalanan kita selepas kemerdekaan 1984. Kita baru mengorak langkah memperkemas sistem pendidikan negara, baru merancang untuk membina kampus kekal UBD, meningkatkan prasarana pendidikan tinggi. Hasil dari pelaburan ini, kita saksikan pada masa ini.

Oleh itu, kita perlu menghargai jasa bakti perintis dan pelopor pendidikan, guru-guru yang sama menggalas tugas dan tanggung jawab memantapkan sistem pendidikan yang berpasak di bilik darjah: tugas utama pengajaran dan pembelajaran. Mereka telah meletakkan asas yang kukuh, merintis belukar, menyediakan laluan

yang sedang diharungi oleh kita semua. Itulah legacy yang mereka wariskan.

### **Menyelaras Masa Kini:**

Kita semua memahami akan landskap dunia pada masa ini yang terus berubah, sukar diramal dan membawa berbagai cabaran, malah semakin kompleks. Cabaran berat kepada guru bukan setakat menyampaikan pengetahuan tetapi bagaimana pengetahuan digunakan. Bukan jumlah ilmu pengetahuan yang akan dihidangkan tetapi bagaimana ilmu dapat dimanfaatkan. Kita perlu memberikan kemahiran: kemahiran abad ke-21. Dalam menghadapi perubahan dan cabaran, Alvin Toffler menyatakan "*the illiterate of the 21<sup>st</sup> century are not those that cannot read or write, but those that cannot learn, unlearn and re-learn*". Menurutnya pendidikan pada abad ini mestilah berupaya melahirkan pelajar yang kreatif dan inovatif, mampu menyelesaikan masalah dan berfikir secara kritis.

### **Merancang Masa Depan:**

Masa depan sukar diramal. Cabaran kita ialah bagaimana membekalkan mereka menghadapi masa depan. Di sinilah keperluan kemahiran "*soft skills*", keyakinan diri, jati diri dan sikap *adaptable*. Dan bagi kita di negara ini menanam dan menerapkan nilai-nilai Melayu Islam Beraja. Sejauh mana kita telah dapat menerapkan semua ini kepada pelajar-pelajar kita perlu dinilai dengan serius.

14. Seiring dengan perubahan yang melanda dunia ini, perubahan dalam sistem pendidikan juga perlu diselaraskan. Penghasilan insan yang berkualiti akan wujud apabila sistem pendidikan berfungsi secara optimal.
15. Ke arah ini, Kementerian Pendidikan telah mengatur beberapa langkah dan strategi secara holistik terutama dalam mempersiapkan para pendidik untuk menjadi lebih kompeten dan relevan dalam bidang kerjaya mereka. Profesionalisme para guru akan diukur dan seterusnya mereka akan dibimbing mengikut

keperluan berdasarkan kompetensi masing-masing melalui satu piawaian yang telahpun diperkenalkan tahun lepas iaitu *Brunei Teachers Standard*. Berikutan pengenalan standard tersebut, satu kerangka penilaian prestasi khusus untuk guru yang dikenali sebagai *Teachers Performance Appraisal* (TPA) telah dibentuk pada bulan April tahun ini dan ianya akan diguna pakai mulai tahun 2016 nanti, in shaa Allah. Ianya merupakan satu penilaian yang komprehensif dimana setiap guru akan dinilai dari empat perspektif iaitu *Students' Achievement, Students' Learning, Teaching* dan *Professional Engagement*. Hasil daripada itu, keperluan setiap guru akan dikenalpasti dan program perkembangan kapasiti akan disediakan kepada mereka yang memerlukannya.

16. Sehubungan ini, penggunaan TPA ini akan dilaratkan untuk dijadikan salah satu aspek penilaian bagi penganugerahan guru cemerlang dan penghargaan (*special mention*). Oleh yang demikian, saya yakin bahawa landskap

pembelajaran dan pengajaran akan lebih teratur dan terarah dengan sistem penilaian seperti TPA ini.

17. Di samping itu juga, para pemimpin sekolah di semua peringkat didedahkan dengan program-program kepimpinan professional seperti *Brunei Program for Senior School Leaders* (BPSSL) yang telah mula dilaksanakan dengan pengambilan kohot pertama pada 2 Mac 2015. Sehubungan dengan itu, satu kerangka kompetensi pemimpin dikenali sebagai *Leadership Standard* yang bersifat *live document* bagi pemimpin sekolah telah dibuat. Kerangka tersebut akan terus dikemaskini dan direbiu, selaras dengan keperluan dan ekspektasi.
18. Saya berharap setiap program yang telah diungkapkan ini akan dapat dinilai keberkesanannya bagi mengetahui pencapaian impak melalui proses yang bercirikan '*evidence-based*' dan '*performance benchmarking*' demi memastikan apa jua perancangan dan keputusan

di masa akan datang akan bersifat '*forward looking*'.

19. Dalam pada itu, ke arah perkhidmatan yang berdaya saing dan berkualiti, Kementerian Pendidikan akan terus melaksanakan penyediaan insentif dengan aliran kerjaya yang kompetitif disemua peringkat, termasuk bagi tenaga akademik institusi pengajian tinggi seperti Skim Perkhidmatan Tenaga Akademik (SPTA). Saya berharap dengan adanya inisiatif dan insentif seperti ini, para pendidik akan terus berusaha untuk meningkatkan kualiti mereka dengan mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran yang inovatif dan kreatif, seperti penggunaan teknologi *on-line* dalam aspek pembelajaran. Adalah diharapkan supaya tenaga akademik pengajian tinggi akan terus gigih berusaha dalam memperkembangkan mutu penyelidikan agar dapat melahirkan penyelidikan dan penerbitan berkualiti tinggi sesuai dengan kehendak masa kini.

20. Semua ini menuntut kredibiliti dan kualiti guru-guru agar sentiasa terus berusaha untuk memajukan diri ke arah pembaikan berterusan dalam bidang masing-masing. Dalam pada itu juga, sokongan dan bimbingan dari pihak-pihak yang berkepentingan terutamanya pemimpin-pemimpin sekolah adalah amat diharapkan. Komitmen dan usaha sama semua pihak ini adalah amat penting bagi kita sama-sama merealisasikan wawasan Brunei 2035.

***Para Hadirin Dihormati Sekalian,***

21. Sekali lagi, saya sukacita mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada para pendidik semua serta pemimpin-pemimpin sekolah yang telah memberikan dedikasi dan komitmen yang tinggi serta penuh iltizam semata-mata untuk meningkatkan mutu dan kualiti pendidikan di negara kita terutamanya meningkatkan prestasi pelajar-pelajar kita.

22. Harapan saya adalah bagi majlis penghargaan seperti hari ini akan meningkatkan lagi iltizam para pendidik semua. Seruan saya, jadilah seorang guru yang hadirnya ditunggu, ilmunya diburu, nasihatnya diseru, tingkahlakunya ditiru dan hilangnya dirindu.

23. Saya yakin para penerima-penerima Anugerah Penghargaan (*Special Mention*) pada hari ini akan menjadi antara guru yang hebat buruan pelajar, idaman negara dan akan terus mencapai kecemerlangan yang kita impikan beserta keredhaan dari Allah Subhanahu Wata'ala jua, Insya Allah.

(*'Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada kaum muslimin'*)

وبالله توفيق والهدايه والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته